



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;
ADAKAH AKU HAMBA
YANG BERSYUKUR



ISLAMIC - SAVOIR - OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"ADAKAH AKU HAMBA YANG BERSYUKUR".1

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ^ط وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	5
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin Jemaah sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.</p> <p>"ADAKAH AKU HAMBA YANG BERSYUKUR."</p> <p>Hadirin yang berbahagia,</p>	6



<p>Ucapan syukur bermaksud segala puji-pujian hanya untuk Allah. Manakala, kalimah alhamdulillah merupakan lafaz lisan yang diucapkan sebagai tanda syukur dan pujian atas segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT. Syukur merupakan salah satu daripada sifat mahmudah. Dengan bersyukur hati akan menjadi semakin tunduk dan tenteram. Lazimnya, setiap kali diberikan sesuatu nikmat, kita akan bersyukur mengingati si pemberi iaitu Allah SWT.</p>	7
<p>Menurut Imam al-Ghazali sifat dan rasa syukur merupakan tingkatan tertinggi, lebih tinggi daripada kesabaran dan ketakutan. Oleh itu, kalimah syukur merupakan kalimah yang utama dan lebih baik perlu diucapkan.</p>	8
<p>Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Nabi SAW pernah bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>"Seandainya dunia dan seisinya berada di tangan seseorang dari ummatku kemudian ia mengucapkan alhamdulillah, nescaya kalimah (alhamdulillah) yang diucapkan adalah lebih baik dari dunia dan seisinya."</i></p> <p><i>(Riwayat al-Dailami).</i></p>	9
<p>Dengan bersyukur dapat menambahkan nikmat yang sedikit, menghindarkan diri daripada kekufuran, mendekatkan hubungan dengan Allah dan sesama insan serta memperoleh kebahagiaan dalam hidup. Meskipun sifat dan rasa syukur merupakan sifat yang mulia namun tidak ramai dalam kalangan kita yang mampu bersyukur dengan nikmat kurniaan Allah. Sebaliknya, bagi orang yang tidak bersyukur mereka kufur dengan nikmat Allah kerana sentiasa merasa tidak cukup dan gelisah dengan apa yang dimiliki. Mereka yang kufur dengan nikmat Allah tidak terdetik di hati untuk berterima kasih kepada Allah akibatnya mereka hanyut dan tenggelam dengan kenikmatan dunia maka hubungan dengan Allah menjadi semakin jauh.</p>	10



Hakikatnya, syukur itu sangat sukar bagi mereka yang miskin jiwa. Pelbagai nikmat yang Allah anugerahkan namun nikmat terbesar adalah nikmat iman dan Islam. Selain itu, kita juga perlu memanfaatkan segala nikmat yang dikurniakan Allah ini khususnya mata, telinga, hati, harta, pangkat, kedudukan serta lain-lain dan jangan sesekali nikmat itu digunakan untuk menderhakai-Nya. Oleh itu, Allah mendidik manusia supaya bersyukur pada-Nya supaya hati lebih tenang.

11

Persoalannya, adakah tika dan saat ini kita benar-benar menjadi hamba yang bersyukur? Realitinya, ada yang bersabar tetapi tidak bersyukur begitu juga sebaliknya. Sudah pasti sebagai seorang mukmin kita dituntut supaya bersyukur dengan nikmat yang diperolehi dan ujian yang dihadapi. Apabila diuji dengan kemiskinan, penyakit, harta dan pelbagai ujian hati perlu bersabar dengan bersyukur kerana yakin setiap perkara yang berlaku mempunyai hikmah yang tersembunyi.

12

Antara cara menzahirkan rasa syukur ialah dengan berkongsi harta, wang ringgit, makan minum, kenderaan, ilmu dan sebagainya kepada orang lain. Syukur ibarat baja rezki, jika seseorang bersyukur rezkinya berupa ilmu, harta, kesihatan, masa dan tenaganya akan subur bertambah dan berkembang menjana pahala yang berkekalan. Sudah menjadi lumrah kehidupan ada yang dikurniakan rezki yang mencukupi malah ada yang berlebihan namun sebaliknya ada yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang walau bagaimanapun keadaan kita, kita perlu menzahirkan rasa syukur kepada Tuhan yang Maha Pemberi.

13

Hadirin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,



Realitinya tidak ramai dalam kalangan kita mampu untuk melafazkan rasa syukur apabila dikurniakan nikmat oleh Allah. Pandang dan lihatlah ke dalam diri kita sendiri adakah kita benar-benar menjadi hamba yang bersyukur pada Tuhan yang Maha Esa. Sebagai hamba Allah, kita dituntut supaya bersyukur kerana ianya perintah dari Allah dengan kurniaan nikmat yang tidak terhitung. Tidak dinafikan, pada hari ini ramai yang masih terkesan dengan penularan covid-19. Namun begitu, di sebalik ujian yang menimpa, kita dapat mendidik hati sentiasa bersabar dan bersyukur. Tidak ramai yang mampu bersyukur dengan ujian dan musibah. Sebagai contoh, apabila berlaku sesuatu yang berlawanan dengan kehendak diri maka berlakulah tekanan, menyalahkan takdir atas apa yang berlaku tanpa reda, tawakkal dan bersyukur pada Allah atas segala ujian yang dihadapi. Oleh itu, ia mendorong berlakunya pelbagai tindakan luar jangkaan akibat dari sikap putus asa dengan rahmat Allah.

14

Sebagai seorang manusia, kita juga sering mengeluh tentang kehidupan yang kita lalui lebih-lebih lagi kita merasakan kurang senang dan merasa tidak cukup dengan nikmat pemberian Allah. Sebagai orang yang beriman didiklah hati agar bersyukur dengan apa yang kita miliki dan menyedari masih ramai yang kurang bernasib baik berbanding kita namun mereka tetap bersyukur. Di samping itu, seseorang yang merasa syukur kepada Allah itu akan melaksanakan ibadah secara konsisten melakukan ibadah-ibadah tambahan dan ibadah sunat yang lain seperti membaca al-Quran, berpuasa sunat, berzikir dan berselawat, hadir berjemaah serta menuntut ilmu di masjid dan surau dengan sungguh-sungguh mencari waktu yang terluang melakukan ibadah sunat tersebut.

15

Hadirin Sekalian,



Dalam memaknai rasa syukur yang mendalam, Rasulullah SAW merupakan satu-satunya manusia yang dijamin syurga oleh Allah SWT namun jaminan tersebut tidak menjadikan Nabi SAW alpa dan lalai dalam menzahirkan rasa syukur dan mempertingkatkan ibadah kepada Allah SWT. Ini dapat dilihat, peluang dan ruang yang digunakan oleh Nabi untuk melakukan ibadah sehingga bengkak kedua kaki baginda.

16

Peristiwa ini direkodkan melalui hadis Aisyah Radiallahuanha bahawa beliau berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا صَلَّى قَامَ حَتَّى تَفْطَرَ رِجْلَاهُ قَالَتْ عَائِشَةُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَتَصْنَعُ هَذَا وَقَدْ غُفِرَ لَكَ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِكَ وَمَا تَأَخَّرَ فَقَالَ: يَا عَائِشَةُ أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا

17

"Sesungguhnya Rasulullah SAW ketika melaksanakan solat maka beliau berdiri hingga kedua kakinya bengkak. Aisyah Radiallahuanha bertanya, "Wahai Rasulullah, apa yang engkau lakukan sedangkan dosamu yang telah lalu dan yang akan datang telah diampunkan oleh Allah", Lalu baginda menjawab, "Wahai Aisyah, tidakkah aku ingin menjadi hamba yang bersyukur?"

18

(Riwayat Muslim).



Ketahuiilah ucapan syukur adalah amalan dan sifat yang sangat dituntut kerana ianya jalan untuk mendapatkan keredaan Allah. Dunia merupakan jambatan menuju ke akhirat dan nikmat di dunia bersifat sementara berbanding akhirat. Jika apa yang diharapkan berlaku maka bersyukurlah atas nikmat kurniaan Allah namun sekiranya berlaku sesuatu yang tidak dijangka maka bersabar dan bersyukur. Begitu juga, marilah kita memperbanyakkan ucapan syukur kerana nikmat keselamatan yang dikurniakan oleh Allah mudah-mudahan segala musibah dan ujian akan diangkat oleh Allah. Meskipun negara belum pulih daripada kesan Covid-19 namun kita perlu memperbanyakkan rasa syukur atas peluang kedua diberikan oleh Allah SWT.

19

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita sama-sama hayati tausiah dan mengambil pengajaran untuk dijadikan pedoman. Antaranya:

1. Kalimah alhamdulillah merupakan lafaz lisan yang diucapkan sebagai pujian dan syukur atas segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.
2. Kita perlu istiqamah mendidik jiwa agar bersabar dan bersyukur kerana kita masih diberi peluang oleh Allah untuk menjalani sisa-sisa kehidupan di dunia pada hari ini.
3. Mukmin yang dikagumi ialah yang sentiasa bersyukur di atas setiap kebaikan atau nikmat yang diperolehi meskipun nikmat tersebut kecil dan sedikit sebagai bukti keimanan kepada Allah SWT.

20



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ قَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَصْلِحْ لِي فِي ذُرِّيَّتِي ۖ إِنِّي تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٥﴾</p>	21
<p><i>“Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapakku dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu).”</i></p> <p>(al-Ahqaf : 15).</p>	22
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونََ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.	17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	18
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾	20
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21